

Anwar tidak hasrat rombak Kabinet besar-besaran

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan tidak berhasrat melakukan rombakan secara besar-besaran terhadap Kabinet yang dipimpinnya, berikutan kekosongan empat jawatan menteri yang berlaku ketika ini.

Perdana Menteri berkata, apa yang akan dilakukan hanyalah keperluan untuk mengisi kekosongan bagi beberapa jawatan

Menteri sahaja.

Katanya, ia berikutan tempoh Kabinet di bawah pentadbirannya kini hanya akan berfungsi selama kira-kira satu setengah tahun sahaja lagi, sebelum penggal pentadbiran ini berakhir.

“Kita perlu mengisi beberapa kekosongan. Mungkin rombakan itu (besar-besaran) kalau ada masa yang panjang tapi Kabinet ini hanya akan berfungsi

satu setengah tahun sahaja, jadi saya tidak fikir rombakan besar harus dilakukan.

“Bagaimanapun, saya sedang meneliti langkah yang perlu diambil kerana ada keperluan mengisi kekosongan yang ada,” katanya selepas melancarkan model kenderaan elektrik pertama (EV) keluaran PERODUA, QV-E di sini, semalam.

Terdapat tiga kekosongan ja-

watan Menteri dalam Kabinet kini iaitu Kementerian Ekonomi dan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, ekoran tindakan penyandangannya, Datuk Seri Rafizi Ramli dan Nik Nazmi Nik Ahmad, meletak jawatan pada Mei lalu susulan tewas dalam pemilihan PKR.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pula

mengalami kekosongan selepas Datuk Ewon Benedick meletakkan jawatan pada 8 November lalu.

Hari ini, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz menamatkan tugas mengetuai Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), berikutan tamat tempoh pelantikan sebagai Senator selama dua penggal.